

14/09/2003

Gaza penjara terbuka rakyat Palestin

Ziauddin Sharuddin

SESIAPAPUN akan terharu dan simpati ketika melihat sendiri penderitaan rakyat Palestin yang tidak henti-henti ditindas Israel. Ibu mengandung dan pesakit disekat untuk mendapatkan rawatan ke hospital, kanak-kanak dilarang bersekolah dan lelaki tidak dibenarkan bekerja.

Bagi Presiden Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy), Datuk Dr Jemilah Mahmood, pengalaman berada di Gaza, Julai lalu, menginsafkannya bahawa kesengsaraan rakyat Palestin amat menyedihkan.

Dr Jemilah bersama timbalannya, Prof Madya Dr Azhar Aziz, berada di wilayah itu selama lima hari, untuk meninjau keadaan sebenar di sana serta menjalin kerjasama dengan NGO tempatan.

Berbanding Tebing Barat, katanya pemilihan Gaza kerana keadaan di sana adalah lebih menyayatkan hati.

"Bayangkan kawasan seluas 360 kilometer persegi dihuni kira-kira 1.5 juta orang, termasuk 7,000 orang yang cacat, anak yatim dan ibu tunggal," katanya.

Dr Jemilah berkata, banyak kawasan yang dilanda peperangan dilawatinya, tetapi tiada yang dapat menyamai Gaza kerana bukan hanya peperangan menyebabkan penduduk menderita.

Di Gaza, katanya kehidupan rakyat Palestin seperti dalam penjara terbuka kerana tentera Israel mengadakan sekatan jalan di pintu masuk ke kawasan itu.

Malah, katanya jika keluar tidak bermakna mereka dapat pulang kembali ke rumah kerana sekatan jalan tentera Israel berada di mana-mana, malah pada satu jalan sepanjang 500 meter saja, 10 hingga 15 sekatan diadakan.

"Banyak kejadian pesakit yang dalam perjalanan ke hospital mati dan ibu sarat mengandung bersalin pada sekatan jalan. Mereka sengaja buat begitu untuk melumpuhkan semangat rakyat Palestin," katanya.

Dr Jemilah berkata, penderitaan rakyat Palestin adalah isu kemanusiaan kerana yang menjadi mangsa termasuk orang Islam dan Kristian.

Katanya, ini yang menyebabkan banyak NGO Barat seperti Amerika Syarikat dan British membantu rakyat Palestin kerana mereka melihat keadaan di sana bukan dari segi politik atau agama.

"Pada mulanya, ramai aktivis Barat tidak begitu yakin bahawa rakyat Palestin menderita, tetapi apabila melihat sendiri, barulah mereka sedar hakikat kekejaman Israel.

"Inilah yang menyebabkan Mercy menjalin kerjasama dengan NGO Palestin bagi membolehkan NGO dan rakyat tempatan memberi sumbangan bermakna kepada rakyat Palestin," katanya.

Bagaimanapun, katanya tiada jaminan usaha NGO termasuk dari Barat tidak diganggu Israel kerana pernah sebuah pusat penternakan yang baru diisi kira-kira 5,000 ekor kambing dibom.

Sementara itu pengasas Pusat Ketabahan Kemanusiaan Palestin (Fata), Jalelah Dahalan, berkata Fata sedang membina sebuah pusat pemulihan di Gaza yang dijangka siap awal tahun depan.

Katanya, pusat itu untuk membantu kira-kira 7,000 penduduk Gaza yang kebanyakan cacat sejak rakyat Palestin melancarkan intifada terhadap penjajahan Israel.

"Keadaan di Gaza memang menyedihkan. Sejak intifada bermula, kira-kira 2,500 kanak-kanak menjadi anak yatim apabila ibu atau bapa mereka terbunuh.

"Kira-kira 65 peratus daripada penduduk juga tidak mempunyai pekerjaan kerana dihalang oleh tentera Israel keluar dari wilayah itu," katanya.

Jalelah bersama ahli lembaga pengarah Fata, Bassima Khalaf dan penterjemah, Ghada Abu Zayed serta naib pengerusi Yayasan Pembangunan, Sains dan Kebudayaan Palestin (NASCD), Dr Mohamad El Tawil, berada di

Malaysia, baru-baru ini.

Pengasas Fata itu menegaskan, Israel sengaja menekan rakyat Palestin bukan saja di kalangan dewasa, tetapi kanak-kanak.

Jalelah berkata, kanak-kanak yang masih kecil dan tidak menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan Israel turut menjadi mangsa apabila mereka dihalang ke sekolah.

"Mereka tidak dapat ke sekolah kerana ditahan pada sekatan keselamatan. Lebih menyedihkan sekolah tidak terkecuali daripada menjadi sasaran serangan bom.

"Ada pelajar mati ketika belajar apabila tiba-tiba bom jatuh ke dalam kelas," katanya.

Malangnya, katanya media massa yang dikuasai Barat lebih banyak menyiarkan kisah pengebom berani mati Palestin sedangkan kekejaman Israel jauh lebih zalim.

Beliau yang menyanjung tinggi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana berani membangkitkan kekejaman Israel berkata, rakyat Palestin amat memerlukan bantuan.

"Walaupun ada hospital dan pusat pemulihan di Palestin, tetapi bantuan dari segi latihan kepakaran perubatan amat diperlukan," katanya.

Katanya, kanak-kanak Palestin juga belajar dalam keadaan serba kekurangan, malah buku dan pensil adalah barang berharga kerana sukar didapati dan jika ada pun, tidak mampu dibeli.

Memang jelas, selama 55 tahun selepas Deklarasi Balfour yang menjadikan bumi Palestin sebagai negara untuk orang Yahudi seluruh dunia, penderitaan rakyat Palestin terus tidak berkesudahan.

Hampir setiap hari, media massa memuatkan laporan mengenai Palestin. Kesannya, sama ada timbul simpati atau orang ramai semakin lali dengan penderitaan rakyat Palestin.